

PSB - Bahagian Arkib

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Monday, 2 December, 2019 3:40 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: ZAWED 2019 Memperkasakan Zakaf, Wakaf Dan Sedekah



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

2 DISEMBER 2019 / 5 RABIULAKHIR 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah

Gambar oleh: IPIZ, UUM

ZAWED 2019 MEMPERKASAKAN ZAKAF, WAKAF DAN SEDEKAH



UUM ONLINE: Langkawi - Zakat dan wakaf merupakan mekanisme kewangan sosial Islam yang perlu diperkasakan supaya boleh membangunkan sektor ekonomi yang ketiga bagi memastikan impaknya dapat dinikmati ummah.

“Di Malaysia konsep wakaf amat diperlukan namun wakaf ibarat legasi yang hilang apabila dianggap kecil peranannya sekadar tanah kubur, Al-Quran dan masjid.

“Jangan hadkan wakaf kepada tanah kubur, Al-Quran semata-mata sedangkan semua orang boleh berwakaf sebagai amal jariah untuk mendapat pahala berterusan supaya amal jariah yang manfaatnya turun-temurun dari generasi ke generasi,” kata Timbalan Menteri (Agama) di Jabatan Perdana Menteri, Fuziah Salleh pada Majlis Perasmian Seminar Antarabangsa Zakat, Cukai, Wakaf dan Pembangunan Ekonomi (ZAWED) 2019 di Hotel Adya, semalam.

Beliau berkata, sebanyak 31,000 ekar tanah wakaf di seluruh negara yang belum dibangunkan kerana sukar untuk mengumpul dana dan rakyat tidak boleh mengharapkan dana kerajaan, justeru peluang harus diberikan kepada orang ramai untuk berwakaf.

Menurutnya, kerajaan telah berkerjasama dengan Kementerian Pendidikan dalam usaha mewujudkan Tabung Wakaf Pendidikan bagi memberi manfaat dalam membantu membina makmal dan menyelenggara serta membaik pulih sekolah, selain mewujudkan *‘food bank’* di universiti dan program yang memberi impak kepada ekonomi sosial.

Katanya, kewangan sosial Islam termasuk zakat, wakaf dan sedekah adalah mekanisme pembiayaan atau pelaburan berasaskan sosial yang menggalakkan kesejahteraan ekonomi dan sosial rakyat serta pada masa sama mengekalkan keseimbangan ekologi alam sekitar selaras dengan prinsip syariah dan objektifnya.

“Di Malaysia, dana zakat boleh dimanfaatkan untuk mengurangkan kemiskinan dan memberi makanan kepada golongan miskin. Pada masa ini, majoriti zakat dibelanjakan untuk pengagihan semula kepada penerima yang layak termasuk golongan miskin dan memerlukan.

“Menerusi seminar ini, saya yakin pelbagai input diperoleh dengan adanya perbincangan, perkongsian dan pertukaran pengetahuan, idea serta pengalaman untuk membantu golongan yang memerlukan, justeru kita mesti bersungguh-sungguh merangkul inovasi dalam memacu produktiviti untuk kebaikan ummah,” katanya.

Seminar ZAWED anjuran Institut Penyelidikan Dan Inovasi Zakat (IPIZ) UUM dengan kerjasama Pusat Pengajian Perniagaan Islam (IBS) dan Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) melibatkan penyertaan dari seluruh negara termasuk Iran, Nigeria, Brunei dan Indonesia yang turut membentangkan kertas kerja berkenaan instrumen kewangan terkini untuk membangunkan zakat wakaf dan pembangunan ekonomi Islam.

Selain itu, pakar dalam bidang ekonomi Islam iaitu Prof. Dr. Abdul Ghafar Ismail, Rektor Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH) merangkap Ahli Lembaga Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) turut menyampaikan ucapan beliau.

Wacana ilmu dalam ZAWED kali ini turut dirancakkan oleh panel jemputan antaranya Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti yang juga Profesor di IBS, Prof. Dr. Asmadi Mohamed Naim; Penolong Pengarah, Pusat Kajian Zakat (BAZNAS) Indonesia, Dr. Muhamad Hasbi Zainal; Ketua Pegawai Eksekutif LZNK, Sheikh Zakaria Othman dan Pengarah LHDN Cawangan Alor Setar, Roside Jansi.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.